# KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
# TARIKH: 5 DISEMBER 2014 (JUMAAT)

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1 | Tetamu kehormat MAHA 2014 | Utusan Malaysia |
| 2 | Kurangkan aktiviti pantai, laut dijangka bergelora | Sinar Harian |
| 3 | Amaran angin kencang, laut bergelora di perairan sabah dan Labuan | Bernama.com |
| 4 | Mahkamah Persekutuan sedang siapkan penghakiman kes Anwar – Ketua Hakim Negara | Bernama.com |

**KERATAN AKHBAR**
**UTUSAN MALAYSIA (KELUARAN KHAS) : MUKA SURAT 16**
**TARIKH : 5 DISEMBER 2014 (JUMAAT)**




PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bersama-sama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor beramah mesra dengan kanak-kanak selepas menyempurnakan Majlis Perasmian MAHA & HPPNK 2014 di MAEPS, Serdang.

# Tetamu kehormat MAHA 2014

KETUA Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur (tiga dari kanan) menunjukkan kaedah penggunaan *Green Roof* yang terdapat pada satu sudut di dewan MAHA 2014.

1. KETIBAAN Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin disambut oleh kakitangan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) sebelum beliau menyempurnakan Majlis Penutup MAHA 2014 di MAEPS, Serdang baru-baru ini.

2. MENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memberi aiskrim perasa nanas kepada seorang pengunjung di Laman Nanas sewaktu berkunjung ke tempat itu.

3. MANTAN Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Tun Jeanne Abdullah teruja melihat sesuatu yang dipamerkan kepada mereka pada MAHA 2014.

4. TIMBALAN Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman menumpukan perhatian kepada barang-barang yang dipamerkan pada MAHA 2014.

5. MENTERI Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Karim (kanan) terpesona dengan kecantikan tumbuh-tumbuhan yang menggunakan konsep pertanian bandar.

6. KETUA Setiausaha Kementerian Pertanaian dan Industri Asas Tani, Datuk Arif Abd. Rahman ketika melancarkan mesin memproses makanan haiwan ternakan.

7. MENTERI Besar Johor, Datuk Seri Khaled Nordin (berkaca mata hitam) turut melapangkan masa untuk mengunjungi MAHA 2014.

8. MENTERI Besar Perak, Datuk Seri Dr.Zambry Abd. Kadir (tiga dari kanan) mendengar penerangan daripada seorang pempamer yang menyertai MAHA 2014.

9. AHLI Parlimen Kinabatangan,Datuk Bung Moktar Radin ketika berkunjung ke pameran haiwan ternakan.

**KERATAN AKHBAR**
**SINAR HARIAN (LEMBAH KELANG) : MUKA SURAT 38**
**TARIKH: 5 DISEMBER 2014 (JUMAAT)**

# Kurangkan aktiviti pantai, laut dijangka bergelora

**SHAH ALAM** - Orang ramai dinasihatkan mengurangkan aktiviti di kawasan pantai berikutan keadaan laut bergelora dan hujan berserta ribut petir bermula hari ini.

Pengarah Khidmat Korporat dan Komersial Jabatan Meteorologi, Dr Mohd Hisham Mohd Anip berkata, walaupun hujan di kawasan pantai barat tidak begitu banyak berbanding sebelah timur, orang ramai masih perlu berhati-hati berkemungkinan kenaikan paras air sungai dan banjir kilat akan berlaku.

"Cuaca masih lembap dan dijangkakan kawasan pantai barat seperti Selangor, Perak dan Johor akan berlaku hujan pada sebelah petang berserta ribut petir.

"Cuaca pada sebelah pagi diramal baik, bagaimanapun kita minta orang ramai mengurangkan aktiviti berhampiran pantai kerana keadaan laut yang sedikit bergelora," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Beliau berkata, bermula Isnin, kawasan pantai timur akan berlaku hujan lebat berterusan, manakala kawasan di Sabah dan Sarawak turut mengalami hujan monsun.

Sementara itu, Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba Dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul berkata, pihaknya sudah membuat persiapan dari segi kelengkapan alat dan kesediaan anggota untuk menghadapi kemungkinan berlaku banjir.

Beliau berkata, orang ramai khususnya yang tinggal berhampiran sungai dan longkang besar, dinasihatkan berhati-hati serta mengawasi anak-anak kecil mereka bagi mengelakkan kejadian tidak diingini.

"Awasi paras air sungai dan longkang. Jangan bermain di kawasan berhampiran," katanya.

Menurutnya, setakat ini, belum ada sebarang kemalangan jiwa dilaporkan berkaitan banjir di negeri ini.

Katanya, bagaimanapun masyarakat setempat perlu peka dan bertindak menyelamatkan diri jika siren kecemasan berbunyi.

"Warga emas, kanak-kanak, OKU dan orang yang sakit perlu diutamakan dalam operasi menyelamat," katanya.

**BERITA ONLINE**
**BERNAMA.COM**
**TARIKH: 5 DISEMBER 2014 (JUMAAT)**

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY

# Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora Di Perairan Sabah Dan Labuan

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Amaran angin kencang dan laut bergelora kategori pertama dijangka berterusan di perairan Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sehingga Selasa depan (9 Dis).

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia** hari ini, keadaan sama diramal berlaku di kawasan perairan Condore, Reef North, Layang-layang, Palawan, Sulu dan Sulawesi, dalam tempoh yang sama.

Angin kencang timur laut berkelajuan antara 40 dan 50 kilometer sejam dengan ketinggian ombak sehingga 3.5 meter di kawasan itu berbahaya kepada bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

-- BERNAMA